



IBU PEJABAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
Fire And Rescue Department of Malaysia
Aras 5, Lebuhr Wawasan, Presint 7
62250 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Telefon : 603-8892 7600
Faks : 603-8888 9127
Portal Rasmi: www.bomba.gov.my
Emel : operasi@bomba.gov.my

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : JBPM/IP/OPS : 100-13/2 (35)

Tarikh : 28 Oktober 2016

SENARAI EDARAN

YS Dato'/Tuan,

PERUBAHAN KEY PERFORMANCE INDICATOR (KPI) BAGI RESPONSE TIME JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Merujuk perkara di atas, sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan sentiasa berusaha untuk meningkatkan sistem penyampaian kebombaian dan penyelamatan kepada masyarakat.

2. Bagi mencapai hasrat tersebut, Jabatan telah menetapkan KPI *response time* yang baru iaitu:-

- 2.1 Mensasarkan lapan puluh peratus (80%) daripada jumlah insiden yang dihadiri oleh Jabatan di bawah 10 minit; dan
- 2.2 Purata *response time* bagi kesemua insiden tidak melebihi 10 minit.

3. Oleh itu, bagi memastikan hasrat ini dapat dicapai, YS Dato'/Tuan adalah dimohon untuk menitikberatkan perkara-perkara berikut:-

- 3.1 Memastikan data dan rekod-rekod bagi terima panggilan, jentera keluar dari balai dan jentera tiba di tempat kejadian dikunci masuk dengan betul dan tepat;
- 3.2 Mengambil inisiatif bersesuaian untuk mengurangkan masa tindakan *response time* seperti berikut:-
 - 3.2.1 Mewujudkan *fire point*;
 - 3.2.2 Membuat rondaan ke kawasan yang berisiko;
 - 3.2.3 Memastikan Pasukan Bomba Sukarela yang berhampiran dengan lokasi insiden yang dipanggil;
 - 3.2.4 Penyusunan dan penempatan *Personal Protection Suit* (PPE) di dalam jentera Bomba.

"CEPAT DAN MESRA"



3.3 Membuat penambahbaikan secara berterusan bagi memastikan masa jentera keluar dari balai tidak melebihi 60 saat.

4. Untuk makluman YS Dato'/Tuan, oleh kerana maklumat-maklumat tersebut dijanakan secara automatik melalui Sistem Pelaporan Insiden (SPI) bermula Bulan Januari 2016, YS Dato'/Tuan adalah dikehendaki untuk memantau pencapaian KPI tersebut dari masa ke semasa bagi memastikan ketepatan maklumat dan pencapaian KPI *response time* di peringkat balai dan negeri masing-masing dapat ditingkatkan. Melalui kaedah janaan automatik Sistem Pelaporan Insiden ini, YS Dato'/Tuan tidak perlu menghantar laporan KPI secara bulanan.

5. Segala perhatian dan kerjasama dari pihak tuan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“1 MALAYSIA: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HAJI SOIMAN BIN JAHID)
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi),
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Sk:

- i. YAS Ketua Pengarah
- ii. YAS Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
- iii. YS Penolong Ketua Pengarah (Operasi)
- iv. Ketua Cawangan Pusat Pengurusan Operasi
- v. Ketua Cawangan Pengurusan Pasukan Penyelamat
- vi. Ketua Cawangan Pengurusan Operasi Kebombaan
- vii. Ketua Cawangan Pengurusan Balai
- viii. Ketua Cawangan Pengurusan Pasukan Bomba Sukerela

SENARAI EDARAN

- 1) YS Pengarah JBPM Negeri Perlis
- 2) YS Pengarah JBPM Negeri Kedah
- 3) YS Pengarah JBPM Negeri Pulau Pinang
- 4) YS Pengarah JBPM Negeri Perak
- 5) YS Pengarah JBPM Negeri Selangor
- 6) YS Pengarah JBPM Negeri WP Kuala Lumpur
- 7) YS Pengarah JBPM Negeri Sembilan
- 8) YS Pengarah JBPM Negeri Melaka
- 9) YS Pengarah JBPM Negeri Johor
- 10) YS Pengarah JBPM Negeri Pahang
- 11) YS Pengarah JBPM Negeri Terengganu
- 12) YS Pengarah JBPM Negeri Kelantan
- 13) YS Pengarah JBPM Negeri Sabah
- 14) YS Pengarah JBPM Negeri Sarawak
- 15) YS Pengarah JBPM WP Labuan
- 16) YS Pengarah JBPM WP Putrajaya